

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian keterangan produk (PDS) ini menyediakan maklumat penting mengenai takaful kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, **anda harus membacanya juga.**



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)

Dilaksanakan di bawah Akta
Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan
dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

Tarikh:

1 Apakah IKHLAS Secure Travel Takaful?

IKHLAS Secure Travel Takaful memberikan manfaat kepada Orang yang Dilindungi untuk kejadian-kejadian tertentu yang mungkin terjadi semasa perjalanan domestik atau antarabangsa, untuk urusan perniagaan atau rekreasi. Manfaat ini merangkumi kematian atau hilang keupayaan kekal disebabkan kemalangan, perbelanjaan perubatan akibat kemalangan atau penyakit, kesulitan perjalanan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi, liabiliti peribadi, dan perkhidmatan kecemasan. Orang yang Dilindungi juga boleh memilih untuk menyertai manfaat tambahan seperti melanjutkan perlindungan apabila Orang yang Dilindungi menyertai aktiviti-aktiviti berbahaya, manfaat COVID-19 dan perlindungan untuk kehilangan peranti elektronik.

Terdapat beberapa pelan yang boleh dipilih oleh Orang yang Dilindungi, termasuk jenis perlindungan (individu, keluarga atau warga emas), pelan perjalanan (dalam negara atau antarabangsa dengan pilihan silver, gold, platinum atau diamond), kawasan perjalanan dan tempoh perjalanan. Jumlah sumbangan akan berbeza bergantung pada pilihan tersebut dan umur semasa Orang yang Dilindungi. Perlindungan disediakan sama ada untuk setiap perjalanan atau setiap tahunan. Bagi perlindungan tahunan, tempoh Takaful adalah selama 1 tahun dan siji boleh diperbaharui setiap tahun.

Untuk Pelan keluarga, ia meliputi Peserta Takaful, pasangan peserta dan anak-anak sehingga maksimum lima (5) orang.

Konsep Syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- Tabarru' –merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta Takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta Takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama
- Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan Keluarga, Pelan Gold untuk 5 hari perjalanan ke Indonesia dan sumbangan sebanyak **RM125**, anda akan menerima manfaat seperti berikut:

Sijil ini melindungi:	Sijil ini tidak melindungi :
a) Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal b) Perubatan & Lain-lain yang Berkaitan Perbelanjaan Perubatan, Rawatan Susulan, Rawatan Perubatan Alternatif, Penjagaan Ihsan, Manfaat Penjagaan Anak, Elaun Hospital, dan Penghantaran Perubatan c) Pemindahan Perubatan Kecemasan & Penghantaran Pulang: Perbelanjaan Penghantaran Balik, Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Perbelanjaan Pengebumian d) Kesulitan Perjalanan: Kelewatan Perjalanan (untuk setiap 6 jam), Pembatalan Perjalanan, Pemendekan Perjalanan, Terlepas Sambungan Perjalanan, Terlepas Perlepasan, Perjalanan Terlebih Tempahan, Kehilangan Deposit Perjalanan kerana Insolvensi Ejen Pelancongan, Kelewatan Bagasi, Perlindungan Ekses Kereta Sewa, Kesulitan Akibat Rampasan (selepas 24 jam) dan Penipuan Perjalanan e) Kerugian kepada Barangan Peribadi: Kehilangan atau Kerosakan Bagasi & Barangan Peribadi, Kehilangan Dokumen Perjalanan, Kehilangan Wang Peribadi, Penjagaan Rumah dan Kehilangan Kad Kredit f) Liabiliti peribadi g) Manfaat Lain: Badal Haji dan Waqaf	Pengecualian Umum - Sebarang keadaan sedia ada orang yang dilindungi - Kecederaan diri sendiri, cubaan membunuh diri, gangguan mental - negara atau kawasan-kawasan yang tertakluk kepada peperangan, konflik, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit Perubatan dan Manfaat Lain yang Berkaitan - Eksperimen, penyiasatan, kosmetik, plastik, tidak penting dan bukan kecemasan Kesulitan Perjalanan - Kelewatan atau pindaan perjalanan yang ditempah oleh penyedia perkhidmatan, apabila disebabkan oleh peraturan atau statut kerajaan Kehilangan Barangan Peribadi - Barangan elektronik, komputer riba, tablet atau kamera sama ada yang didaftarkan atau tidak didaftarkan dengan pengangkutan awam Liabiliti Peribadi - Liabiliti secara kontrak, sebagai majikan, atau kepada ahli keluarga

Dengan membayar sumbangan tambahan, anda boleh meluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- COVID-19** (Kematian, Pembatalan Perjalanan, Perbelanjaan Perubatan, Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang)
- Manfaat Lain** - Aktiviti-aktiviti berbahaya dan Kehilangan Peranti Elektronik

Tempoh perlindungan bergantung kepada tempoh perjalanan.

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.

Produk ini tersedia dalam pelan Individu atau pelan Keluarga. Pelan Individu meliputi Peserta Takaful sahaja, manakala Pelan Keluarga meliputi peserta dan pasangan peserta serta anak-anak sehingga maksimum 5 orang. Had manfaat untuk pelan Individu juga terpakai untuk pelan Warga Emas dan setiap individu dalam pelan Kumpulan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful kemalangan diri anda, anda boleh:

 Hubungi kami di: 03 – 2723 9696	 Lawati kami di: https://www.takaful-ikhlas.com.my/	 Emel kami di: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my
---	---	--

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi Sijil Takaful kemalangan diri ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM125.00
Perlindungan Tambahan	RM292.00
*Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar ialah RM417.00	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Yuran Wakalah → Perbelanjaan Pengurusan (20%) → Komisen (25%)	RM83.40 RM104.25
Cukai Perkhidmatan (mengikut kadar semasa)	RM0.00 (tidak berlaku untuk luar negara)
Jumlah Sumbangan Takaful yang Perlu Dibayar	RM427.00

Nota: *Sumbangan Takaful yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan yang anda pilih. Sumbangan asas takaful ini merangkumi yuran Wakalah yang terdiri daripada Perbelanjaan Pengurusan dan Komisen.

4 Syarat Utama Lain

a) Had Umur (Hari Lahir akan datang): • Peserta Takaful : 18 tahun sehingga 80 tahun • Individu/ Orang Yang Dilindungi: 18 tahun sehingga 70 tahun • Anak : 30 hari sehingga 17 tahun • Warga Emas : 71 tahun sehingga 80 tahun • Kumpulan : 30 hari sehingga 70 tahun b) Tempoh bagi setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut di bawah pelan domestik, dan 90 hari berturut-turut di bawah pelan antarabangsa. Semua perjalanan harus dimulakan dari Malaysia. c) Jika Peserta Takaful adalah selain daripada Orang yang Dilindungi, Peserta Takaful mestilah mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan terhadap Orang yang Dilindungi pada permulaan Sijil Takaful ini dan pada masa manfaat dibayar. d) Anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tepat semasa memohon takaful ini. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. e) Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, kecuali bagi perbelanjaan perubatan kemasukan ke hospital di bawah pelan antarabangsa yang akan diberikan secara kemasukan tanpa bayaran tunai. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama. f) Sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu (1) Sijil Takaful Kemalangan Diri yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat (sama ada berkelompok atau individu), Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat manfaat tambahan memandangkan pampasan hanya dibayar untuk setiap satu (1) kemalangan. Walau bagaimanapun, bayaran untuk manfaat kematian tidak menghalang pembayaran di bawah peruntukan sijil ini. g) Takaful ini hanya akan berkuatkuasa setelah anda membuat bayaran sumbangan (tunai sebelum perlindungan). h) Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. i) Dimaklumkan bahawa sebarang tuntutan yang dibuat di bawah sijil takaful ini boleh memberi kesan terhadap syarat dan kadar caruman bagi pembaharuan sijil pada masa hadapan. Berdasarkan rekod tuntutan anda, Takaful Ikhlas General Berhad berhak untuk menyemak dan melaras semula kadar caruman, perlindungan atau kelayakan pembaharuan mengikut garis panduan pengunderaitan syarikat.	
Nota: Senarai ini bukan senarai lengkap . Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.	

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Pelan Setiap Perjalanan: Jika tarikh kuat kuasa pembatalan adalah selepas bermulanya Perjalanan, tiada bayaran balik Sumbangan Takaful akan dibenarkan.

Pelan Tahunan: Sekiranya Sumbangan telah dibayar untuk mana-mana tempoh melebihi tarikh penamatan Sijil ini, bahagian yang berkaitan akan dikembalikan kepada Anda tertakluk bahawa tiada tuntutan telah dibuat sepanjang Tempoh Takaful.

Nota: Caj pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Anda.

Pengakuan Pelanggan* Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda [] Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas General Berhad telah memberikan saya salinan PDS. [] Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.	
* Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mencari penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian terhadap terma dan syarat produk ini di kemudian hari.	Nama: _____ Tarikh: _____

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my)